

## BAHAGIAN A

Setiap item, dari SOALAN 1 hingga SOALAN 25, diberi empat pilihan. Hanya satu daripada empat pilihan itu merupakan jawapan yang betul. Pilih jawapan yang betul dan lorek bujuran barangka (1, 2, 3 atau 4) berdasarkan pilihan kamu itu di Kertas Jawapan Optikal (OAS) yang disediakan.

### IMBUHAN (20 markah)

**Arahan:** Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

<p>Kebersihan alam sekitar mustahak untuk menjamin kehidupan yang sihat. Manusia sebagai salah satu (1)_____ di muka bumi ini haruslah (2)_____ kebersihan supaya segala hidup-hidupan di bumi ini dapat hidup dengan selesa.</p> <p>Malangnya, bumi kita kian (3)_____ dengan bahan-bahan kimia, gas-gas, asap dari kenderaan dan kilang hasil (4)_____ manusia. Bahan-bahan ini merosakkan tumbuh-tumbuhan hijau serta (5)_____ udara. Kesihatan manusia dan kehidupan di bumi ini mudah (6)_____ oleh perihal ini.</p> <p>Di samping itu, (7)_____ ozon yang melindungi kita daripada pancaran terus matahari juga semakin menipis. Pendedahan cahaya matahari boleh (8)_____ penyakit barah kulit.</p> <p>Siapakah yang patut kita (9)_____ dalam hal ini? Tanggungjawab menjaga kebersihan harus wujud pada setiap rakyat. Jika kita gagal (10)_____ tanggungjawab ini, janganlah menyalahkan orang lain. Marilah kita sama-sama bekerjasama untuk menangani masalah ini.</p>	<table border="0"><tbody><tr><td style="vertical-align: top; width: 50px;"><b>1</b></td><td style="width: 150px;">(1) berhuni (3) menghuni</td><td style="width: 150px;">(2) dihuni (4) penghuni</td></tr><tr><td><b>2</b></td><td>(1) dipentingkan (3) mementingkan</td><td>(2) kepentingan (4) terpenting</td></tr><tr><td><b>3</b></td><td>(1) bercemar (3) mencemarkan</td><td>(2) kecemaran (4) tercemar</td></tr><tr><td><b>4</b></td><td>(1) buatkan (3) perbuatan</td><td>(2) membuat (4) terbuat</td></tr><tr><td><b>5</b></td><td>(1) berjejas (3) menjelaskan</td><td>(2) jejasan (4) penjejasan</td></tr><tr><td><b>6</b></td><td>(1) diganggu (3) pengganggu</td><td>(2) mengganggu (4) terganggu</td></tr><tr><td><b>7</b></td><td>(1) berlapis (3) pelapis</td><td>(2) lapisan (4) melapiskan</td></tr><tr><td><b>8</b></td><td>(1) berdatang (3) mendatangkan</td><td>(2) kedatangan (4) pendatang</td></tr><tr><td><b>9</b></td><td>(1) disalahkan (3) menyalahkan</td><td>(2) kesalahan (4) salahkan</td></tr><tr><td><b>10</b></td><td>(1) dilaksanakan (3) pelaksana</td><td>(2) melaksanakan (4) pelaksanaan</td></tr></tbody></table>	<b>1</b>	(1) berhuni (3) menghuni	(2) dihuni (4) penghuni	<b>2</b>	(1) dipentingkan (3) mementingkan	(2) kepentingan (4) terpenting	<b>3</b>	(1) bercemar (3) mencemarkan	(2) kecemaran (4) tercemar	<b>4</b>	(1) buatkan (3) perbuatan	(2) membuat (4) terbuat	<b>5</b>	(1) berjejas (3) menjelaskan	(2) jejasan (4) penjejasan	<b>6</b>	(1) diganggu (3) pengganggu	(2) mengganggu (4) terganggu	<b>7</b>	(1) berlapis (3) pelapis	(2) lapisan (4) melapiskan	<b>8</b>	(1) berdatang (3) mendatangkan	(2) kedatangan (4) pendatang	<b>9</b>	(1) disalahkan (3) menyalahkan	(2) kesalahan (4) salahkan	<b>10</b>	(1) dilaksanakan (3) pelaksana	(2) melaksanakan (4) pelaksanaan
<b>1</b>	(1) berhuni (3) menghuni	(2) dihuni (4) penghuni																													
<b>2</b>	(1) dipentingkan (3) mementingkan	(2) kepentingan (4) terpenting																													
<b>3</b>	(1) bercemar (3) mencemarkan	(2) kecemaran (4) tercemar																													
<b>4</b>	(1) buatkan (3) perbuatan	(2) membuat (4) terbuat																													
<b>5</b>	(1) berjejas (3) menjelaskan	(2) jejasan (4) penjejasan																													
<b>6</b>	(1) diganggu (3) pengganggu	(2) mengganggu (4) terganggu																													
<b>7</b>	(1) berlapis (3) pelapis	(2) lapisan (4) melapiskan																													
<b>8</b>	(1) berdatang (3) mendatangkan	(2) kedatangan (4) pendatang																													
<b>9</b>	(1) disalahkan (3) menyalahkan	(2) kesalahan (4) salahkan																													
<b>10</b>	(1) dilaksanakan (3) pelaksana	(2) melaksanakan (4) pelaksanaan																													

## PERIBAHASA (10 markah)

**Arahan:** Pilih peribahasa atau makna yang paling sesuai bagi setiap item dalam petikan karangan di bawah ini.

Ardel tidak menyangka bahawa dia dipilih untuk mewakili sekolahnya dalam pertandingan lumba lari antara sekolah di Singapura. Sememangnya, seseorang yang sanggup berlatih dan (11) belajar bersungguh-sungguh pasti akan menerima ganjarannya.

“Tahniah, Ardel! Akhirnya, dapat juga kamu mencapai cita-cita kamu untuk bertanding di peringkat nasional. Namun, jangan berpuas hati. Ardel harus (12) mencari jalan sekiranya menghadapi rintangan,” nasihat Kak Siti kepada Ardel.

Sebelum ini, memang banyak masa yang terbuang kerana perbuatan Ardel yang (13) bagai menghitung bulu kambing. Dia menghabiskan masanya dengan bermain di kolong blok sahaja dan tidak berlatih untuk dapat memasuki pertandingan lumba lari itu. Hal ini berlanjut sehingga dia berkenalan dengan Kak Siti, guru tuisyennya.

Kak Siti berusaha untuk mendekati Ardel dan memberinya bimbingan. Pada mulanya, Ardel tidak faham mengapa Kak Siti (14) menumpukan perhatian dengan sepenuh hati terhadapnya.

Namun kini, Kak Siti telah menjadi (15) tulang belakangnya. Sememangnya, Ardel bersyukur kerana ditemukan dengan Kak Siti yang tidak pernah berputus asa dalam memberi dorongan kepadanya.

- |   |
|---|
| <p><b>11</b> (1) panjang akal<br/>(2) perah tenaga<br/>(3) banting tulang<br/>(4) memerah otak</p> <p><b>12</b> (1) mencari peluang untuk menimba ilmu<br/>(2) mencari peluang untuk melakukan sesuatu<br/>(3) mencari peluang untuk menguatkan semangat<br/>(4) mencari peluang untuk meneruskan sesuatu yang dirancang</p> <p><b>13</b> (1) mengerjakan sesuatu yang sia-sia<br/>(2) mengerjakan sesuatu secara sembarangan<br/>(3) mengerjakan sesuatu tanpa berfikir terlebih dahulu<br/>(4) mengerjakan sesuatu dengan mengikut perasaan</p> <p><b>14</b> (1) murah hati<br/>(2) ambil berat<br/>(3) campur tangan<br/>(4) mengorak langkah</p> <p><b>15</b> (1) sumber kekuatan<br/>(2) sumber kejayaan<br/>(3) orang yang dihargai<br/>(4) orang yang dipercayai</p> |
|---|

## GOLONGAN KATA (10 markah)

**Arahan:** Pilih perkataan yang paling sesuai bagi setiap tempat kosong dalam petikan karangan di bawah ini.

<p>Faizal sedang berjalan ke sekolah apabila dia ternampak seorang wanita tua yang sedang meminta sedekah. Faizal (16) _____ melihat keadaan wanita tua itu.</p>	<p><b>16</b> (1) gerun (2) jenuh (3) marah (4) kasihan</p>
<p>Wanita tua itu pun menghampiri seorang lelaki yang berpakaian kemas dan segak. Dia (17) _____ tangannya ke arah lelaki itu. Namun, lelaki itu tidak menghiraukannya.</p>	<p><b>17</b> (1) melambaikan (2) mengibaskan (3) menghulurkan (4) menghayunkan</p>
<p>Faizal berasa kecewa dengan (18) _____ lelaki itu. Faizal pun dengan segera menyeluk ke dalam beg sekolahnya (19) _____ mengambil sebuah bungkus.</p>	<p><b>18</b> (1) gaya (2) reaksi (3) lakonan (4) tindakan</p>
<p>Faizal memberikan bungkus itu kepada wanita tua itu. Wanita tua itu tidak (20) _____ bertemu dengan seorang budak lelaki yang prihatin. Dia tidak sangka masih ada orang yang ingin membantunya.</p>	<p><b>19</b> (1) lalu (2) kerana (3) manakala (4) sementara</p> <p><b>20</b> (1) mahu (2) dapat (3) pernah (4) hendak</p>

## **KEFAHAMAN 1 (10 markah)**

**Arahan:** Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti.

Demam denggi merupakan sejenis penyakit yang berpunca daripada gigitan nyamuk aedes betina. Gigitan nyamuk Aedes boleh menyebabkan tercetusnya virus denggi. Virus ini dapat menular secara meluas.

Virus denggi berada di dalam badan pesakit sekurang-kurangnya seminggu sebelum menunjukkan tanda-tanda jangkitan. Pesakit tidak akan sedar bahawa dia telah dijangkiti virus denggi sehingga tanda-tandanya mula kelihatan. Virus ini dianggap merbahaya kerana pesakit tidak dapat mencegahnya pada peringkat awal.

Demam denggi bermula dengan demam secara tiba-tiba. Selain itu, pesakit juga mengalami sakit kepala yang teruk dan sakit di belakang bebola mata. Ini diikuti dengan sakit sendi dan otot, gatal-gatal serta sakit pinggang yang sangat teruk sehingga digelar demam tulang pecah.

Ciri-ciri jangkitan demam denggi adalah timbulnya bintik-bintik merah. Untuk sesetengah pesakit pula, bintik-bintik itu akan merebak hampir ke seluruh tubuh. Di peringkat ini, pesakit mungkin akan berasa sakit perut, mual, muntah-muntah atau cirit-birit. Selain itu, pesakit juga boleh mendapat radang hati dan otak. Sekiranya berlarutan, pesakit boleh mengalami radang otot jantung.

Rawatan utama untuk pesakit denggi adalah melalui terapi. Pemindahan darah mungkin diperlukan sekiranya bilangan sel darah berkurangan. Pesakit digalakkan untuk rajin bersenam agar badan sihat dan cergas. Mereka juga dinasihatkan supaya meminum air mineral sekurang-kurangnya lapan gelas sehari. **Semua ini**, dapat mengurangkan atau memulihkan pesakit daripada virus yang dijangkiti mereka.

Cara mencegah denggi adalah dengan menghapuskan atau mengurangkan jumlah nyamuk pembawa denggi. Penghapusan takungan air seperti yang terdapat di dalam bekas pokok bunga terbukti berkesan bagi mengawal pembiakan nyamuk Aedes. Setiap orang harus memainkan peranan untuk **mencegah** pembiakan nyamuk aedes ini!

*Dipetik dan diubahsuai daripada Wikipedia tentang Demam Denggi*

**Arahan:** Berdasarkan petikan karangan di halaman 5, pilih jawapan yang paling sesuai bagi setiap item yang berikut.

- 21** Virus Denggi adalah virus yang merbahaya kerana \_\_\_\_\_.  
(1) digelar demam tulang pecah  
(2) berpunca daripada gigitan nyamuk aedes betina  
(3) pesakit tidak dapat mengelakkannya pada peringkat awal  
(4) ada tanda-tanda yang kelihatan bagi mereka yang dijangkiti
- 22** Pesakit mungkin akan berasa sakit perut dan muntah-muntah \_\_\_\_\_.  
(1) apabila bintik-bintik merah mula timbul di seluruh badan  
(2) ketika mereka bersenam untuk menjaga kesihatan badan  
(3) sewaktu meminum air mineral sekurang-kurangnya lapan gelas sehari  
(4) sedang melakukan pemindahan darah disebabkan sel darah yang berkurangan
- 23** Pencegahan demam denggi berlaku jika \_\_\_\_\_.  
(1) tercetus virus denggi  
(2) pesakit melakukan terapi  
(3) mengalami radang otot jantung  
(4) nyamuk pembawa denggi dikurangkan
- 24** ‘Semua ini’ dalam perenggan lima merujuk kepada \_\_\_\_\_.  
(1) pengekalan gaya hidup sihat bagi pesakit denggi  
(2) rawatan-rawatan yang perlu diambil pesakit denggi  
(3) pembuangan air takungan bagi pencegahan denggi  
(4) penggalakan meminum air dengan banyak bagi memulih denggi
- 25** Perkataan ‘mencegah’ dalam perenggan keenam bermaksud \_\_\_\_\_.  
(1) mengubat  
(2) membunuh  
(3) menghilang  
(4) menghalang

(sambung di Buku B)